# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 7 NOVEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5. | MAFS ROLLS OUT 2 PROGRAMMES SELF SUFFICIENCY RATE OF RICE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A5<br>FOKUS PROGRAM SMART SBB TINGKAT KETERJAMINAN MAKANAN, LOKAL, HM -13<br>'TIDAK PERLU 1 JUTA HEKTAR JELAPANG PADI D IMALAYSIA', NEGARA, KOSMO -6<br>RICE SELF-SUFFICIENCY RATE AT 6.2% IN 2022, NATION, THE STAR -10<br>GOVT EYES SEKINCHAN MODEL TO BOOST RICE PRODUCTION, NEWS, NST -4 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 6.<br>7.<br>8.<br>9. | ENOUGH FISH SO DON'T RAISE PRICES, TRADERS TOLD, NATION, THE STAR -5<br>DO NOT RAISE FISH PRICES, TRADERS TOLD, NEWS, THE SUN -4<br>'SEAFOOD SHORTAGE UNLIKELY AS FISHING ACTIVITIES WILL CONTINUE', NEWS, NST -6<br>85 ENDANGERED HAWKSBILL BABY TURTLES RELEASED IN LABUAN, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -4 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 10.<br>11.<br>12.<br>13. | HANYA 10.6 PERATUS KAWASAN MADA DAPAT TANAM PADI, NEGARA, KOSMO -18<br>KRISIS BENIH PADI DI UTARA, DALAM NEGERI, UM -1 & 2<br>HANYA 10.1 PERATUS KAWASAN MADA DAPAT TANAM PADI, DALAM NEGERI, UM -7<br>TINGKAT KUOTA PENGELUARAN DI LOJO AGENSI, DALAM NEGERI, UM -7 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 14.<br>15.<br>16. | JUAL RM50, DALAM RESIT RM45, DALAM NEGERI, UM -7<br>LPP CHAIRMAN TO GOVT: REVIEW CERTIFIED PADI SEEDS QUOTA FOR PRIVATE PRODUCERS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A4<br>EJEN JUAL DENGAN HARGA TINGGI PADA PESAWAH, LOKAL, HM -20 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 17. | LKIM JAMIN BEKALAN IKAN CUKUP SEPANJANG MTL, NASIONAL, SH -15 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 18.<br>19.<br>20.<br>21.<br>22.<br>23.<br>24. | SABAH AKAN TERUS TUNTUT URUS SENDIRI BERAS IMPORT, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -1<br>KEBUN CILI KERAP DILANDA BANJIR, KENA TUKAR TANAM TIMUN, NEGARA, KOSMO -14<br>KEBUN KERAP DINAIKI AIR, PENGUSAHA CILI BERALIH TANAM TIMUN, DALAM NEGERI, UM -33<br>PARADOX OF CHEAPER CHICKEN FROM NOV 1, COMMENT, THE STAR -7<br>AYAM MURAH PELANGGAN RAMAI, NEGARA, KOSMO -16<br>JUALAN RM1 LICIN DALAM TEMPOH 10 MINIT, NEGARA, KOSMO -16<br>SEMUA AGENSI PERLU ATUR STRATEGI PASTIKAN KETERJAMINAN MAKANAN, MUKA SEPULUH, BH -10 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MAFS rolls out 2 programmes self sufficiency rate of rice | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 07 Nov 2023 | Color | Black/white |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A5 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 152 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,152 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,456 |



# 农业部2计划 提高稻米自给自足率

（吉隆坡6日讯）农业及粮食安全部副部长拿督陈泓缣说，农业部通过大规模智能稻田计划（Smart SBB），即“迷你园耕庄”模式，以及2年播种5次种稻计划，提高国家稻米的自给自足率和提升粮食安全。

他说，去年，我国两大主要粮食，即稻米和蔬菜的自给自足率分别达到62.6%和44.7%。

“SMART SBB计划放眼在2025年提高国家稻米的自给自足率至75%，到了2030年提高至80%。”

此外，农业部重点提高生姜、包菜、辣椒等蔬菜，以及椰子等水果的产量。

## 提高水果蔬菜自足

他说，农粮部通过国家农粮政策2.0，放眼到了2030年，水果和蔬菜的自给自足率分别达到83%和79%。

至于渔业方面，农业部将通过水产养殖增强食用鱼的生产，目标是水产养殖产量与捕渔业的比例为60：40

陈泓缣今天在国会下议院会议回答国阵淡边国会议员拿督莫哈末依山的提问，说明政府如何提高粮食自给自足率，从而确保粮食安全，并减少对进口粮食的依赖时，这么表示。

他指出，2022年我国其余6种主要粮食的自给自足率，分别是水果（78.1%）、牛肉（14.7%）、鸡肉和鸭肉（94.4%）、鸡蛋和鸭蛋（108.9%）、鲜奶（57.3%），以及食用鱼（90.2%）。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/11/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 13 |

# Fokus program SMART SBB tingkat keterjaminan makanan



**Kuala Lumpur:** Kadar sara diri (SSR) bagi bekalan lapan komoditi makanan utama negara pada 2022 seperti beras mencatatkan 62.6 peratus, sayur (44.7 peratus), buah-buahan (78.1 peratus), daging lembu (14.7 peratus) dan daging ayam serta itik (94.4 peratus).

***Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin (gambar)*** berkata, SSR bagi telur ayam dan itik pula 108.9 peratus, susu segar (57.3 peratus) dan ikan makanan (90.2 peratus).

Selain itu, beliau berkata, bagi menambah baik SSR dan meningkatkan keterjaminan makanan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) antara lain memfokuskan kepada aspek mempertingkatkan produktiviti padi menerusi Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB), iaitu Model Mini Sekinchan dan projek penanaman padi lima musim dalam tempoh selama dua tahun.

"Matlamat pelaksanaan Program SMART SBB adalah untuk mencapai SSR beras negara kepada 75 peratus menjelang 2025 dan 80 peratus menjelang 2030," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan ***Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin)***, mengenai jenis tanaman serta ternakan yang sedang diberikan tumpuan untuk menambah baik SSR, bagi meningkatkan keterjaminan dan mengurangkan kebergantungan import makanan.

Selain itu, Chan berkata, KPKM memberi tumpuan untuk meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran seperti halia, kubis dan cili serta buah-buahan seperti kelapa.

Beliau berkata, menerusi Dasar Agromakanan Negara 2.0, KPKM menyasarkan SSR buah-buahan dan sayur-sayuran masing-masing sebanyak 83 peratus dan 79 peratus, menjelang 2030.

Bagi perikanan, beliau berkata, kementerian akan memperkasakan pengeluaran ikan makanan melalui akuakultur, yang menyasarkan pengeluaran akuakultur berbanding perikanan tangkapan pada nisbah 60:40.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/11/2023 | KOSMO | NEGARA | 6 |

# 'Tidak perlu 1 juta hektar jelapang padi di Malaysia'

**KUALA LUMPUR** – Sasaran pengeluaran padi sebanyak 80 peratus menjelang tahun 2030 menerusi inisiatif SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) boleh dicapai tanpa perlu menambah saiz jelapang padi kepada 1 juta hektar.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata, sasaran kadar sara diri (SSR) beras negara sebanyak 75 peratus menjelang 2025 dan 80 peratus menjelang 2030 ketika ini adalah realistik.

"Ini boleh dicapai tanpa menambah saiz jelapang padi kerana ini bergantung kepada tahap penghasilan untuk satu hektar. Itu yang lebih penting.

"Sekarang kita capai 62.6 peratus kerana 'yield' untuk padi kita sekitar 3 ke 3.4 tan per hektar. Kalau dapat tingkatkan itu kepada enam tan per hektar boleh capai 80 peratus.

"Jadi ini bukan saja hendak melihat kepada saiz geografi, tetapi berapa kita dapat per hektar," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Dr. Zulkafperi Hanapi (**PN-Tanjong Karang**) sama ada kerajaan menyasarkan 1 juta hektar jelapang padi di Malaysia untuk memastikan keterjaminan beras.

Menurut beliau, tambahan tanah seluas 55,000 hektar di Sabah dan Sarawak untuk penanaman padi seperti diumumkan kerajaan terlalu kecil.

Terdahulu, Foong Hin memaklumkan, SMART SBB menerusi Model Mini Sekinchan dan projek rintis penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun akan mempertingkatkan produktiviti padi.

Kata beliau, matlamat pelaksanaan Program SMART SBB untuk mencapai SSR beras negara kepada 75 peratus menjelang 2025 dan 80 peratus menjelang 2030.

Dalam pada itu, beliau berkata, ketika ini kementerian memantau status bekalan lapan komoditi makanan utama iaitu beras, sayur, buah, ayam/itik, telur ayam/itik, daging lembu, susu segar dan ikan makanan.

"Kadar SSR yang dicatatkan bagi bahan makanan utama bagi 2022, adalah beras (62.6 peratus), sayur (44.7), buah (78.1), daging lembu (14.7), ayam/itik (94.4), telur ayam/itik (108.9), susu segar (57.3) dan ikan makanan (90.2)," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Mohd. Isam Mohd. Isa (**BN-Tampin**) mengenai stigma golongan muda yang menjauhi sektor pertanian, Foong Hin berkata, strategi yang dilakukan termasuk melalui program agropreneur muda.

Kata beliau, program itu membantu dan menggalakkan pembabitan golongan muda antaranya dengan memberikan bantuan dalam bentuk barangan bernilai RM20,000 bagi setiap individu.

"Pada 2021, seramai 96 penternak muda menerima bantuan bernilai RM1.92 juta, manakala pada 2022, seramai 77 penternak muda mendapat bantuan berjumlah RM1.54 juta," katanya.



**PENGELUARAN** enam tan padi per hektar mampu memenuhi sasaran kadar sara diri beras negara sebanyak 80 peratus. – GAMBAR HIASAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/11/2023 | THE STAR | NATION | 10 |


# Rice self-sufficiency rate at 62.6% in 2022

AS of last year, the country's self-sufficiency rate (SSR) for rice was at 62.6%, chicken and duck eggs at 108.9%, vegetables at 44.7% and fruits at 78.1%, says Deputy Agriculture and Food Security Minister Datuk Chan Foong Hin.

He said the SSR for other main commodities were 94.4% for chicken and duck meat, followed by edible fish (90.2%), fresh milk (57.3%) and beef (14.7%).

To improve SSR and food security, he said the ministry is trying to boost rice productivity through the Large-Scale Smart Padi Field (Smart SBB) programme, the Mini Sekinchan Model, and the five seasons in two years padi cultivation project.

"The Smart SBB programme aims to increase the country's SSR for rice to 75% by 2025 and 80% by 2030," he told Parliament during the question-and-answer session yesterday.

Chan said the Agriculture Ministry was also looking at increasing the production of fruits and vegetables such as ginger, cabbage and chilli.

Under the National Agro Policy 2.0, the ministry is aiming to achieve fruits and vegetable SSR at 83% and 79% respectively by 2030, he added.

He was responding to a question from Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin) about the types of crops and livestock that the ministry was focusing on to raise the SSR in order to reduce dependency on food imports.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/11/2023 | NST | NEWS | 4 |

# Govt eyes Sekinchan model to boost rice production

**THE** government plans to increase rice production to the 75 per cent self-sufficiency level by 2025, through the SMART Large-Scale Padi Fields (SMART SBB) initiative.

This is to ensure the country's self-sufficiency ratio (SSR) can meet domestic demand through local production.

Deputy Agriculture and Food Security Minister Chan Foong Hin said the initiative will be done through a pilot project, the Sekinchan mini model, on rice planting for five seasons in two years.



*Chan Foong Hin*

"The main focus of implementing the SMART SBB programme is to ensure the SSR for local rice production reaches 75 per cent by 2025 and 80 per cent by 2030.

"The ministry will also continue to monitor the supply status of eight main food commodities, which are rice, vegetables, fruits, chicken or duck meat, chicken or duck eggs, beef, fresh milk as well as fish," he said during the minister's question time at the Dewan Rakyat yesterday.

Chan said this in response to Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin) on the type of crops and livestock that were being focused on in improving the country's self-sufficiency level (SSL) to enhance food security and reduce dependence on food imports.

He said beef or buffalo meat will be increased to 50 per cent (111,000 metric tonnes) and an SSR of 30 per cent for goat or lamb meat (14,200 metric tonnes) within five years through the National Meat Industry Development Strategic Plan 2021 to 2025.

"The plan has also been launched with the target of adding 20 million litres of fresh milk to achieve 100 per cent of SSR by 2025."

He also noted the SSR recorded for the country's main commodities last year, such as for rice stood at 62.6 per cent; vegetables (44.7 per cent); fruits (78.1 per cent); beef (14.7 per cent); chicken or duck meat (94.4 per cent); chicken or duck eggs (108.9 per cent); fresh milk (57.3 per cent) and fish (90.2 per cent).

Chan said the ministry was also increasing its efforts to make the agriculture sector attractive for the younger generation, adding that among the strategies being implemented was the Young Agropreneur Programme.

He said the programme, under the ministry, will also encourage the involvement of young individuals by providing them with RM20,000 for each participant.

"A total of 96 young farmers received assistance amounting to RM1.92 million in 2021, while 77 young farmers received a total of RM1.54 million in assistance in 2022," he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 7/11/2023 | THE STAR | NATION | 5 |

# Enough fish so don't raise prices, traders told

**BALIK PULAU:** Wholesalers and traders have been reminded to not take advantage of the northeast monsoon period to raise seafood prices, especially fish.

Stressing that the fish supply would be sufficient throughout the monsoon season from November to March next year, Fisheries Development Authority of Malaysia chairman Muhammad Faiz Fadzil said the agency had made early preparations.

"The fish supply is mainly affected on the east coast, and this too, only involving small boat zones within five nautical miles of the coast.

"The large vessels will continue their fishing activities, as in the west coast.

"We have prepared with a fish stockpile of about 90 metric tonnes, in collaboration with private sector partners in the fisheries industry, adding up to a total of 1,600 metric tonnes in reserves.

"We also have imported stock, so there is no reason for prices to surge.

I hope traders, wholesalers and transporters in the supply chain do not take advantage of the northeast monsoon season to raise prices," he said after officiating the Rahmah Mesra Madani programme with Penang fishermen in Teluk Bahang near here, Bernama reported.

At the event, Muhammad Faiz also presented the agency's Touch Point aid, which included boat engines, insulated fish boxes, fishing nets, fish crates and food baskets, as well as fishing equipment worth RM150,000, to 124 fishermen.

Separately, he said the agency also planned to repair 30% of the 397 fishermen's jetties nationwide to ensure that they are in good condition.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/11/2023 | THE SUN | NEWS | 4 |

# Do not raise fish prices, traders told

**BALIK PULAU:** The Fisheries Development Authority has urged wholesalers and traders not to take advantage of the Northeast monsoon period by raising seafood prices, especially fish.

Its chairman Muhammad Faiz Fadzil said the agency is giving the assurance that fish supply would be sufficient throughout the monsoon season from November to March as a result of early preparations.

He said fish supply is mainly affected on the East Coast and that too, only involving small boat zones within five nautical miles off the coast, while large vessels from zones B and C would continue their fishing activities as in the West Coast.

"We are prepared for this situation, with a fish stockpile of about 90 metric tonnes, in collaboration with private sector partners in the fisheries industry, adding up to a total of 1,600 metric tonnes in reserves.

"We also have imported stock. So, there is no reason for prices to surge and I hope traders, wholesalers and transporters in the supply chain do not take advantage of the monsoon season to raise prices," he said after officiating at a Rahmah Mesra Madani event with Penang fishermen in Teluk Bahang yesterday.

Muhammad Faiz also presented "Touch Point" aid and fishing equipment worth RM150,000 to 124 fishermen. The aid included boat engines, insulated catch storage boxes, fishing nets, fish crates and food baskets.

In addition, he said the agency plans to repair 30% of the 397 fishermen jetties nationwide that are between 30 and 40 years old to ensure they are in good condition. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/11/2023 | NST | NEWS | 6 |

NORTHEAST MONSOON

# 'Seafood shortage unlikely as fishing activities will continue'

**GEORGE TOWN:** The country's seafood supply will likely not be affected by the northeast monsoon that runs from this month to March.

Malaysia Fisheries Development Board chairman Muhammad Faiz Fadzil said the monsoon season would only affect the east coast.

He said even then, only small boats in Zone A — those allowed to fish from zero to five nautical miles — on the east coast would be barred from going to sea.

"Bigger boats in the east coast allowed to fish in Zone B and Zone C will still go out to sea.

"So, a shortage is unlikely as fishing activities will still go on," he told newsmen, adding that the board has a 90-metric tonne stockpile of fish.

"In total, there is 1,600 metric tonnes of fish in the stockpile, which is more than enough for our people," he said, noting that they also had imported fish.

He warned those in the supply chain not to take advantage of the northeast monsoon to hike seafood prices.

Meanwhile, Faiz said the Fisheries Development Board was planning to repair 30 per cent of the 397 fishing jetties across the country that are in a dilapidated state next year.

"We have to make sure that the jetties' facilities are in good condition so that there is no disruption in the delivery of fish.

"Our focus next year is to make sure that 30 per cent of the jetties, which are mostly 30 to 40 years old, are repaired."

Faiz was met after the Rahmah Mesra Madani programme with fishermen in Teluk Bahang here.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 85 endangered Hawksbill baby turtles released in Labuan | | |
| MediaTitle | Daily Express (KK) | | |
| Date | 07 Nov 2023 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 25,055 |
| Page No | 4 | Readership | 75,165 |
| Language | English | ArticleSize | 133 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 283 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 848 |



# 85 endangered Hawksbill baby turtles released in Labuan

LABUAN: A total of 85 endangered Hawksbill baby turtles were released into the sea here on Saturday night from the Rusukan Besar Island Turtle Conservation Centre.

These hatchlings, a part of hundreds of turtle eggs hatched at the centre, had a special send-off orchestrated by 80 volunteers from Labuan International School, SM St Anthony, and SMK Taman Perumahan Bedaun.

This initiative, which aims to both protect the Hawksbill turtle and raise environmental consciousness, is a collaborative project between the Labuan Mandarin Lions Club, Labuan Fisheries Department, and Labuan branch of the Ministry of Tourism and Culture (Motac).

Labuan Mandarin Lions Club president Chia Sia Theng said the event aligns with the global campaign for World Environment Day, focusing on combating plastic pollution, while simultaneously advocating for the well-being of these precious marine creatures.

"The release was a poignant symbol of the resilience and fragility of the Hawksbill turtle population," he said during the programme at Rusukan Besar Island.

The event also highlighted the significance of beach clean-up initiatives as essential components of environmental education and engagement, serving as vital measures to keep oceans free of harmful debris.

Chia said this release of Hawksbill baby turtles exemplifies the power of collective action in safeguarding endangered species and the precious oceans.

"It underscores the responsibility we all share in preserving the rich biodiversity of our marine ecosystems," he said.

Prior to the release, students in attendance were briefed on the conservation efforts that Rusukan Besar Island engages in for the protection of these turtles by Labuan Fisheries Department head of Turtle Conservation and Marine, Ryanto Saifuddin. -Bernama

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/11/2023 | KOSMO | NEGARA | 18 |

# Hanya 10.6 peratus kawasan MADA dapat tanam padi

**ALOR SETAR** – Proses penanaman padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) musim ini tidak mematuhi jadual ditetapkan apabila hanya merangkumi keluasan 10.6 peratus berbanding melebihi 50 peratus jika mengikut jadual asal.

Mengikut jadual penanaman pada musim ini, sebanyak 33,580 hektar kawasan sawah MADA sepatutnya sudah mula ditabur benih padi sah (BPS) sejak 27 September hingga 11 November ini bagi fasa satu.

Pengerusi MADA, Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, faktor kelewatan tersebut disebabkan pesawah kini berdepan isu bekalan BPS yang sukar diperoleh serta harganya melebihi RM50 bagi kampit 20 kilogram.

"Bagi fasa kedua menabur benih yang bermula pada 7 Oktober hingga 21 November, sepatutnya meliputi 32,900 hektar dan fasa ketiga pada 17 Oktober hingga 1 Disember pula merangkumi 34,161 hektar.

"Kalau fasa-fasa ini dipenuhi ia telah melebihi 50 peratus, tetapi yang berlaku ketika ini hanya 10.6 peratus daripada keluasan sawah tersebut ditabur benih. Keadaan sama berlaku di luar Jelapang Padi kerana proses menaburnya juga sekitar 10 peratus.

"Antara sebab kelewatan ini adalah pihak pesawah gagal mendapatkan benih pada masa yang sepatutnya. Bukan sahaja BPS tidak dibekalkan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) tetapi dijual pada harga lebih tinggi berbanding harga runcit RM45," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Ismail berkata, isu itu mesti ditangani segera pada musim ini agar dapat memastikan agenda keterjaminan makanan negara tidak terjejas pada musim-musim akan datang yang memberi kesan kepada pengguna.

Tambahnya, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dicadangkan untuk meluaskan Operasi Bersepadu Beras Putih Tempatan (OP BPT) untuk turut memeriksa bekalan benih di peringkat pengeluar.

Sebelum ini, Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) mendakwa PPK di Kedah, Pulau Pinang dan Perak terus berdepan kesukaran mendapatkan bekalan BPS untuk dijual kepada petani pada harga RM45 per kampit seperti diselaraskan kerajaan.

Exco Pesawah, Abdul Rashid Yob berkata, program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) berkuat kuasa 20 Oktober lalu masih belum mampu menyelesaikan misteri 'kehilangan' BPS di pasaran sehingga petani beranggapan pengilang hanya membekalkan benih itu kepada rangkaian tertentu bagi meraih untung.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/11/2023 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

'Saya hidup di Gaza, saya akan mati di Gaza' »5

Utusan Malaysia BERSAMA PALESTIN

Bahasa Melayu jangan hanya sekadar menang sorak »14

Sebanyak 90 peratus sawah MADA di Perlis, Kedah belum ditanam padi

# Krisis benih padi di utara

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB dan MOHD. RAFIE AZIMI
utusannews@mediamulia.com.my

**ARAU:** Kerja-kerja menanam musim kedua padi di Perlis dan Kedah terganggu apabila kira-kira 90 peratus pesawah dalam Kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) gagal mendapatkan bekalan benih padi sah (BPS).

Krisis yang disifatkan paling buruk itu menyebabkan hanya 7.4 peratus daripada 9,171 pesawah MADA di Perlis dan 10.1 peratus pesawah di Kedah dapat memulakan tanaman padi mulai akhir September lalu.

Masalah sama turut berlaku di luar MADA di negeri ini apabila hanya sekitar 60 peratus daripada 6,789 pesawah sudah memulakan tanaman. Ia mengakibatkan jadual penanaman jauh tersasar sekali gus akan memberi kesan kepada hasil tuaian pada Februari 2024.

Di Kedah, jika mengikut jadual penanaman musim ini, sebanyak 33,580 hektar atau 30 peratus kawasan sawah MADA sepatutnya sudah mula ditabur benih padi sejak September lalu.

Pesawah juga merungut harga benih padi yang semakin tinggi sehingga mencecah RM50 sekampit bagi 20 kilogram yang turut membebankan mereka.

Bersambung di muka 2



**Sawah kosong**

SEORANG pesawah melihat sawahnya yang sudah siap dibajak tetapi masih belum dapat ditanam dengan padi berikutan kelewatan bekalan benih di Utan Aji, Kangar, Perlis semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN (Lagi berita di muka 7)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/11/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 2 |

# Krisis benih padi di utara

Dari muka 1

Untuk musim tanaman kali ini, keseluruhan pesawah dalam kawasan MADA di Perlis memerlukan sekitar 115,057 kampit benih padi manakala petani di luar MADA pula memerlukan 28,412 kampit bekalan benih berkenaan membabitkan keluasan kawasan tanaman 28,003 hektar.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Perlis, Razali Saad berkata, masalah kelewatan tersebut menyaksikan hanya sekitar 7.4 peratus pesawah MADA di negeri ini yang mampu memulakan tanaman dengan selebihnya masih ternanti-nanti bekalan benih.

Katanya, sekiranya masalah tersebut terus berlarutan ia bakal menjejaskan pesawah sekali gus turut memberi kesan kepada hasil pengeluaran padi apabila pesawah tidak sempat mengikut jadual penanaman ditetapkan yang bermula berfasa sejak September lalu.

"Krisis benih padi ini perlu diambil perhatian serius memandangkan pesawah terus dihimpit dengan masalah berulang setiap musim. Sehingga hari ini, masih ramai yang masih tidak boleh memulakan tanaman disebabkan masalah kelewatan tersebut.

"Selain itu, harga benih padi yang ditetapkan sekitar RM40 juga tidak mampu diikuti sehingga harga benih padi mencecah lebih RM50 dan pesawah juga tidak ada pilihan di sebalik kesukaran mendapatkan benih ini.

**"Sekiranya masalah tersebut terus berlarutan ia bakal menjejaskan pesawah sekali gus turut memberi kesan kepada hasil pengeluaran padi apabila pesawah tidak sempat mengikut jadual penanaman ditetapkan yang bermula berfasa sejak September lalu."**

"Kita bimbang jika masalah tersebut terus berlarutan bakal menyebabkan pesawah mula bosan dan seterusnya meninggalkan kerja-kerja menanam padi ini," katanya.

Sementara itu beliau mencadangkan agar kerajaan mengkaji semula kuota benih padi kepada pengilang-pengilang atau mengapungkan sahaja bagi memberi persaingan sihat sekali gus pesawah mempunyai pilihan membeli benih padi.

"Kuota benih padi juga sepatutnya diberikan setiap musim kepada kilang bukan setahun sekali. Sebagai contoh, kuota diberikan 30,000 kampit setahun, mungkin musim pertama sudah habis terjual dan bakal memberi masalah ketiadaan bekalan pada musim kedua," katanya.

Dalam pada itu seorang pesawah, Mohd. Noor Hashim, 60, berkata, sepanjang 40 tahun mengusahakan tanaman padi, krisis bekalan benih musim ini disifatkan paling buruk sehingga menyebabkan dia dan majoriti pesawah masih belum boleh mengusahakan tanaman.

Katanya, benih padi ketika ini tidak ada di pasaran dan jika ada sekali pun harganya mencecah RM55 sehingga RM70 jauh daripada harga ditetap kerajaan iaitu RM45.

"Sepatutnya pertengahan Oktober lalu kami memulakan tanaman namun ketiadaan benih padi menyebabkan kami terpaksa menunggu dan terus menunggu untuk memulakan tanaman.

"Kami juga berdepan risiko jika proses tanaman terus lewat memandangkan bulan Disember sehingga Januari sudah memasuki musim kemarau. Sepatutnya kalau tanam mengikut jadual Januari sudah boleh dituai," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | LPP chairman to govt: Review certified padi seeds quota for private producers | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 07 Nov 2023 | Color | Black/white |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A4 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 214 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,621 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,863 |



## 农民组织局：稳定价量

# 官厂应获生产稻种上限

（亚罗士打6日讯）农民组织局（LPP）促政府在与12家稻种生产商签署新合约时，应优先让隶属政府单位的4家厂商取得最高上限生产额，以稳定稻产和零售价。

该局主席拿督马夫兹说，此举也可避免不良中介趁机牟利。

他今日与慕达农业发展局主席依斯买沙烈召开新闻发布会时说，尽管政府已制定了稻种顶价，但不排除当中还会有人为了牟利，故意积存稻种，造成市面上稻种短缺后，私下向稻农“下手”，抬高稻种售价牟利。

“政府每年会与12家稻种生产商签署新合约，以生产总计7万2000公吨的稻种，作为新一季度的稻米耕种，其中4家是属于政府单位管辖，其余的都是私营公司。”

### 调整2稻种顶价

他说，农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布上月宣布，在稻种分发计划（IBPS）下，大马半岛即日起作出两项稻米种子顶价的调整。

“政府出资为4间政府辖下稻种生产商设厂，这些公司生产稻种却没获得最上限的固打，在7万2000公吨稻种总产量中只占了1万5500公吨（22%）。”

他举例，隶属慕达农业发展局的MADA CORP公司，旗下有3间工厂可生产总计1万2000公吨的稻种，但政府给的生产固打只是7000公吨；联邦土地统一及复兴公司（FELCRA）旗下的FELCRA种植，其工厂的生产顶限可达6000公吨稻种，但得到的固打只有1800公吨。

“反观私营公司取得多数的生产额，而这些私营工厂过后又将稻种批发给456个代理，以转售给农民。在这过程中，稻农为了得到稻种，不排除会面对中介抬高售价的情况。”

马夫兹补充，若政府允让政府单位旗下4家工厂大量生产稻种，即估计在2025年可生产4万8000公吨的稻种，一来可帮助大部分稻农直接向农业组织局或政府旗下工厂购买到稻种，从而稳定米价。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/11/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 20 |

BENIH PADI SAH

# Ejen jual dengan harga tinggi pada pesawah

**Alor Setar:** Agensi kerajaan yang mempunyai loji pengeluaran benih padi sah (BPS) perlu diberi keutamaan mendapatkan kuota bekalan BPS berjumlah 72,000 metrik tan setahun, seperti ditetapkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Datuk Mahfuz Omar berkata, empat agensi kerajaan iaitu LPP, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada), Felcra Plantation dan Mada Corp hanya membekalkan 15,500 metrik tan BPS.

Katanya, keadaan ini menyebabkan kesukaran kepada kerajaan memastikan harga jualan BPS kepada pesawah melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang ditetapkan pada harga RM40 per 20 kilogram (kg) di kilang dan RM45 kepada peruncit dapat dilaksanakan.

"Apa yang menjadi kekesalan dalam isu BPS adalah harga jualan yang ditetapkan kerajaan tidak dipatuhi pengeluar swasta dengan hanya agensi kerajaan yang menjadi pembekal dapat mematuhi harga jualan ditetapkan.

"Pengeluar swasta yang menjadi pembekal menyerahkan BPS kepada ejen yang kemudian menjualnya kepada pesawah pada harga lebih tinggi menyebabkan yang terbeban adalah petani terutama di Kedah.

"Sepatutnya dalam isu ini, pihak Bahagian Kawalselia Padi dan Beras perlu mengambil tindakan ke atas pengeluar swasta dan ejen terbabit, mereka boleh dapatkan senarai nama pembekal terbabit dan bukan hanya menunggu laporan untuk bertindak," katanya pada sidang media di sini, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/11/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 15 |

# LKIM jamin bekalan ikan cukup sepanjang MTL

**GEORGE TOWN-** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memberi jaminan bekalan ikan untuk pasaran tempatan mencukupi sepanjang tempoh Monsun Timur Laut (MTL) yang bermula pada November hingga Mac tahun depan.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, sehingga kini, LKIM mempunyai 90 metrik tan stok bekalan ikan sebagai persediaan sekiranya berlaku kekurangan bekalan.

Menurutnya, selain LKIM, pihaknya juga berkolaborasi dengan pihak swasta yang berkaitan dengan industri perikanan menjadikan jumlah stok bekalan sedia ada ketika ini ialah 1,600 metrik tan.

"Kawasan yang bakal terjejas ialah di Pantai Timur, itu pun melibatkan nelayan di zon A kerana mereka menggunakan bot kecil. Nelayan di zon



**Muhammad Faiz (kanan) menyampaikan bantuan enjin bot kepada seorang nelayan pada Program Rahmah Mesra Madani Bersama Nelayan Pulau Pinang di Teluk Bahang pada Isnin.**

B dan C yang menggunakan bot besar, mereka masih boleh menangkap ikan melebihi lima batu nautika.

"Selain itu, nelayan di Pantai Barat masih menjalankan kegiatan menangkap hasil laut seperti biasa. Ini bermakna, aktiviti di laut masih berterusan, tidak terhenti. Kita juga ada stok ikan import.

"Oleh itu, kita yakin, tiada masalah dalam bekalan ikan kerana stok yang ada, mencukupi sehingga Mac tahun depan," katanya pada sidang akhbar Program Rahmah Mesra Madani Bersama Nelayan Pulau Pinang di Teluk Bahang di sini pada Isnin.

Muhammad Faiz berkata, pihaknya berharap agar tidak berlaku kenaikan harga melibatkan ikan dan makanan laut.

"Saya harap, pihak yang terlibat dalam rantaian penjualan ikan tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga hasil laut terutamanya ikan hanya kerana berlakunya monsun.

"Semua pihak termasuk agensi kerajaan, pemegang taruh persatuan nelayan, pemborong, peniaga, pengangkutan dan peruncit dapat main peranan membantu menyelesaikan masalah kos sara hidup rakyat," katanya.

Dalam pada itu, katanya, LKIM akan memperbaiki semua jeti uzur di seluruh negara secara berperingkat bagi melancarkan urusan penangkapan hasil laut.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sabah akan terus tuntut urus sendiri beras import | | |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | | |
| Date | 07 Nov 2023 | Color | Full Color |
| Section | Tempatan | Circulation | 25,055 |
| Page No | 1 | Readership | 75,165 |
| Language | Malay | ArticleSize | 292 cm² |
| Journalist | Jinni Juanis | AdValue | RM 1,551 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 4,653 |



# Sabah akan terus tuntut urus sendiri beras import

**Jinni Juanis**



TAMBUNAN: Sabah akan terus menuntut untuk mendapatkan hak sepenuhnya dalam hal mengurus beras import bagi negeri ini, kata Timbalan Ketua Menteri I Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan (**gambar**).

"Sabah kekal menuntut hak pengurusan beras import melalui proses secara beransur-ansur sehingga pengurusan diserahkan sepenuhnya kepada Negeri Sabah.

"Saya sudah membuat tuntutan dan permintaan berkenaan pengurusan import beras negeri Sabah sepenuhnya daripada Kerajaan pusat," katanya di majlis berkaitan hak beras import dan penyerahan jentera padi di Pejabat Daerah Tambunan baru-baru ini.

Namun kata Jeffrey, sehingga kini permohonan tidak mendapat maklum balas positif dan mereka belum berpuas hati dengan jawapan yang diberi sebab mereka masih mengekalkan Bernas sebagai syarikat yang monopoli.

Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan itu memberitahu bahawa mereka akan terus merayu supaya Bernas tidak memonopoli pengurusan jual beli beras di negeri ini dan Sabah dibenarkan untuk menguruskan sendiri.

"Biarlah perlahan-lahan, mungkin separuh dulu untuk kita urus dan separuh biarlah di sana dulu yang urus. Perlahan-lahan bila kapasiti kita untuk mengurus meningkat, kita akan menuntut supaya pengurusan ini diserahkan sepenuhnya kepada negeri Sabah," katanya.

Menurut Jeffrey, mereka sudah memohon kepada Kerajaan Pusat supaya tidak ada lagi monopoli pembelian dan peng importan beras.

"Kita mahu kuasa meng import beras dikembalikan kepada Sabah dan Sarawak supaya boleh mengurus peng importan makanan masing-masing," katanya.

Jeffrey menjelaskan, apa yang sedang berlaku pada masa kini ialah berlaku monopoli satu syarikat hingga tidak ada saingan di antara para pembekal.

Keadaan ini katanya, membolehkan pembekal tunggal mempunyai kuasa untuk menaikkan harga dan mengeluarkan padi import menurut keselesaan mereka sendiri tanpa saingan daripada badan lain.

Menurutnya Sabah memerlukan beras import 320 tan setahun. Gambaran keuntungan monopoli merangkumi keseluruhan Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

"Kita mahu Bernas ini mengurus dan meng import beras bagi Semenanjung tapi biarlah di Sabah dan Sarawak ini kita urus program pemakanan kita sendiri terutama sekali padi," katanya.

Sebelum itu Jeffrey berkata, Lembaga Padi Sabah akan diaktifkan kembali dan dinamakan Lembaga Padi dan Beras Sabah.

"Kita telah meminta supaya bajet pada tahun depan akan diberi pada tahun ini dalam sesi belanjawan supaya Lembaga Padi dan Beras Sabah boleh beroperasi tahun depan, dan boleh membantu meningkatkan produktiviti dan hasil pengeluaran padi di Sabah," jelasnya.

Baru- baru iniBottom of Form

, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu di Dewan Parlimen berkata, tidak ada keperluan untuk membenarkan Sabah mengurus beras import sendiri dan dasar tersebut merupakan mekanisme utama yang memberikan keupayaan kepada negara menghadapi cabaran ketidakstabilan harga beras antarabangsa.

Bagaimanapun Jeffrey percaya, jika diuruskan Sabah sendiri ia akan mewujudkan persaingan yang membolehkan pasaran beras lebih stabil dan mungkin dapat diturunkan harga beras di pasaran. Beliau mencadangkan perkara ini kerana rakyat Sabah risau dengan peningkatan harga beras putih seperti diumumkan syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas) beberapa bulan yang lalu.

"Peningkatan harga beras bukan hanya akan memberi kesan kepada perbelanjaan isu rumah malah, ia akan menjejaskan kehidupan keluarga berpendapatan rendah, katanya menyeru supaya Bernas bersikap lebih menentukan harga beras dan tahap bekalan beras.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 7/11/2023 | KOSMO | NEGARA | 14 |


# Kebun cili kerap dilanda banjir, kena tukar tanam timun

**DENGKIL** – Kawasan kebun tanaman cili yang kerap dilanda banjir kilat memaksa pemiliknya beralih kepada tanaman timun bagi mengurangkan risiko kerosakan buah.

Bagi Ahmad Irham Mohd. Noor, 41, dia mula beralih kepada tanaman timun sejak September lalu selepas empat tahun mengusahakan cili di Kampung Sri Tanjung di sini.

Dia yang ditemui berkata, kebunnya sekali lagi dinaiki air petang kelmarin akibat hujan lebat sejak malam Sabtu lalu selain limpahan air Sungai Langat.

"Air mula masuk ke kawasan kebun sekitar 3 petang semalam (kelmarin). Ketika itu baru hari pertama saya kutip hasil timun.

"Alhamdulillah, banjir kali ini tidak seteruk akhir tahun 2021 dan 2022 di mana ketika itu semua tanaman cili rosak akibat ditenggelami air selama dua hari.

"Selepas tiga kali kebun dinaiki air, saya terpaksa beralih kepada tanaman timun kerana ia kurang risiko untuk rosak jika ditenggelami air," katanya.

Katanya, Kampung Sri Tanjung kerap dinaiki air sejak tahun 2020 disebabkan limpahan air Sungai Langat selain kedudukannya yang agak rendah.

Ahmad Irham berkata, dia berharap cuaca bertambah baik selepas ini, sekali gus membolehkannya mengutip hasil pertama tanaman timunnya.

"Saya beralih tanam timun kerana tidak sanggup tanggung rugi besar jika kebun dinaiki air setiap kali hujan lebat," katanya.

Sebelum ini, Ahmad Irham mengalami kerugian lebih RM100,000 selepas kebun cilinya ditenggelami air sebanyak dua kali dalam tempoh 11 bulan masing-masing pada akhir 2021 dan akhir tahun 2022.

Ketika itu, beberapa peralatan termasuk sistem fertigasi, enjin air, baja dan kelengkapan lain turut musnah dalam kejadian banjir itu.



**KEADAAN** kebun milik Ahmad Irham yang ditenggelami air dalam kejadian banjir di Dengkil kelmarin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/11/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 33 |

# Kebun kerap dinaiki air, pengusaha cili beralih tanam timun

Oleh **MOHD. HUSNI MOHD. NOOR**
utusannews@mediamulia.com.my

**DENGKIL:** Menyedari kawasan kebunnya yang kerap dinaiki air setiap kali hujan lebat, seorang pengusaha cili memilih beralih kepada tanaman timun bagi mengurangkan risiko buah rosak.

Ahmad Irham Mohd. Noor, 41, berkata, dia beralih kepada tanaman itu sejak September lalu selepas empat tahun mengusahakan cili di Kampung Sri Tanjung di sini.

Katanya, kebunnya sekali lagi dinaiki air petang kelmarin akibat hujan lebat sejak malam Sabtu lalu selain limpahan air Sungai Langat.

"Air mula masuk ke kawasan kebun sekitar pukul 3 petang. Ketika itu saya baru hari pertama mengutip hasil timun.

"Alhamdulillah, banjir kali ini tidak seteruk akhir tahun 2021 dan 2022 yang mana ketika itu semua tanaman cili rosak akibat dua hari ditenggelami air.

"Selepas tiga kali kebun dinaiki air, saya terpaksa beralih kepada tanaman timun kerana ia kurang risiko untuk rosak jika ditenggelami air," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Ahmad Irham berkata, Kampung Sri Tanjung kerap dinaiki air sejak 2020 disebabkan limpahan air Sungai Langat selain kedudukannya yang agak rendah.

Dia berharap cuaca bertambah baik selepas ini sekali gus membolehkannya menyelesaikan kutipan hasil pertama tanaman timunnya.

"Saya beralih kepada tanaman timun kerana tidak sanggup lagi menanggung rugi besar jika kebun dinaiki air setiap kali hujan lebat," katanya.

Sebelum ini, dia berdepan kerugian lebih RM100,000 selepas kebun cilinya ditenggelami air sebanyak dua kali dalam tempoh 11 bulan, masing-masing pada akhir 2021 dan akhir tahun 2022.

Ketika itu, beberapa peralatan termasuk sistem fertigasi, enjin air, baja dan kelengkapan lain musnah dalam kejadian banjir itu.



**KEBUN timun milik Ahmad Irham Mohd. Noor di Kampung Sri Tanjung, Dengkil, Selangor dinaiki air petang kelmarin akibat hujan lebat dan limpahan air Sungai Langat. - UTUSAN/MOHD HUSNI MOHD NOOR**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 7/11/2023 | THE STAR | COMMENT | 7 |

ARNOLD LOH
arnold.loh
@thestar.com.my



## Pinang points

# Paradox of cheaper chicken from Nov 1

## Price float creates surprising savings for consumers

THE word "oxymoron" is not an insult to anybody's intelligence.

It simply refers to words that seem to be contradictory initially like "deafening silence", "cleverly stupid" or "deceitfully honest".

Other oxymorons are not so immediately evident and can only be perceived after reflecting on the context of the subject matter, such as "cultural tourism", "clean coal" and "righteous war".

In the context of Malaysia, one phrase seems to be leaning towards becoming oxymoronic: "floated price".

Governments control the prices of things to prevent them from becoming too costly for the general population.

Governments also float prices when producers can no longer sustain themselves under controlled prices.

Typically, once an item's price is floated, the price should go up.

But when our chicken price was floated, the birds became cheaper in many states.

A good friend started an Ipoh *"kai see hor fun"* stall in Penang and within a few days, he was turning a profit.

It refers to Ipoh's signature hawker food of flat rice noodles (*koay teow*) in a chicken broth with shredded chicken, shrimps and a spoonful of oil derived from frying a huge amount of prawn heads and shells.



Subsidies and price controls on chicken were discontinued from Nov 1. — Filepic

There is Penang *char koay teow* all over Malaysia, so my friend figured why not have Ipoh *"kai see hor fun"* in Penang?

He started his business around a week before the chicken price was floated and chewed his nails in suspense to see how the floated price would affect his so far profitable business.

He was cooking over 50kg of chickens a day.

Last weekend, he whooped for joy because his supplier suddenly reduced the price from RM9.60/kg to RM8.40/kg.

That is a drop of RM1.20 and multiplied by 50kg of chickens, it is a cost reduction of RM60 a day; it doesn't sound like a lot, but if the RM8.40/kg price holds for a month, he will have at least an extra RM1,800 to bring home.

Curious, I made many calls to understand what made the price of chicken fall.

No one wants to be quoted. No one wants to officially offer a public explanation.

They could not, anyway, because the process from the eggs hatching to dressed birds arrayed for sale is a long one with many players, from breeders to growers to collectors to slaughterhouses to aggregate distributors to wholesale agents to retailers.

In between are logistics operators and side vendors such as those who collect chicken innards to sell as fish feed and feathers to turn into fertiliser.

It is not fair to point a finger at any one of these industry players, except to concede that two economic concepts were allowed to freely exert themselves on the price of chicken as soon as the government let go.

The first is called economies of scale; the more you can make or get and then sell, the lower the cost of goods and the greater the profit.

If you were selling 10,000 units of something a day at RM1 each, and then you sell at 80sen per unit instead and end up selling 20,000 units a day, you earn even more.

The second is termed "the invisible hand".

Every business needs to focus on self-preservation so that it exists to fight another day.

The invisible hand theory asserts that in a free market economy, all these self-interested players will settle into relationships of mutual interdependence and eventually will produce socially viable results, such as the lowered price of chicken.

Both the economies of scale concept and the invisible hand theory are derived from a book titled *Wealth of Nations* written by Scottish economist Adam Smith (1723-1790).

It is a difficult book to read, since it was published in 1776 in archaic English with as many as 60 words per sentence.

But you can get distilled and modernised renditions of Smith's thoughts, and one other point from him might be relevant to the price of our chicken; Smith objected to nearly all forms of government interference in the economy.

He argued that it caused high prices and inefficiencies.

Smith advocated for governments to focus on matters like education, healthcare and so on.

Looking at how chicken prices fell after the government let the players sort it out themselves, I wonder if some of the things published 247 years ago might still be valid.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/11/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |

Peniaga jual RM9 sekilogram, harap pembekal turun harga lagi

# Ayam murah pelanggan ramai

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

**GEORGE TOWN** – Tindakan pembekal menjual ayam pada harga lebih murah iaitu sekitar RM6.50 sekilogram selepas hampir seminggu subsidi ayam dimansuhkan ibarat durian runtuh kepada peniaga.

Perkara itu berikutan peniaga kini menerima jumlah pelanggan berganda berbanding sebelum 1 November ketika harga jualan ayam lebih RM9.40 sekilogram.

Seorang peniaga ayam dikenali Din berkata, sejak Sabtu lalu, dia memperoleh ayam RM6.50 sekilogram daripada pihak pembekal selepas dua hari penamatan sepenuhnya subsidi dan harga kawalan ayam.

"Sejak turun harga sehingga RM9 sekilogram, ramai pelanggan datang beli ayam berbanding awal Oktober lalu. Dulu nak dapat 20 pelanggan sehari pun payah sekarang antara 30 hingga 40 orang sehari.

"Hari ini (semalam) ada yang beli minimum dua ekor. Selain turun harga, saiz ayam yang dihantar juga besar-besar.

"Harap pembekal stabilkan harga ayam sebegini atau turunkan lagi sehingga RM6 sekilogram. Ini untuk kepuasaan bersama. Peniaga juga akan tingkatkan kuantiti tempahan jika ayam diperingkat pembekal turun," katanya.

Sementara itu, peniaga ayam, Mohamad Nasir Abdul Kalam berkata, penurunan harga ayam di peringkat pembekal semestinya ditunggu-tunggu para peniaga terutama di pasar-pasar awam negeri ini.

"Sebelum ini, harga ayam di peringkat pembekal dijual pada RM7.30 sekilo pada namun berlaku penurunan sejak Sabtu lalu sehingga RM7 sekilo.

"Situasi itu berbeza berbanding awal Oktober lalu naik sehingga RM8.50 sekilogram.

"Sejak itu, peniaga mula menurunkan harga dari RM9.40 kepada RM9 sekilogram," ujarnya.

Mohamad Nasir berkata, sekiranya harga diperingkat pembekal terus stabil sebegini, mungkin harga ayam diperingkat peniaga akan turun di bawah RM9 sekilogram.

"Kami juga bimbang jika berlaku lagi kenaikkan harga ayam selepas ini, apatah lagi apabila perayaan Deepavali hampir tiba," katanya semalam.

Ketika ini, harga ayam standard dijual di pasar pada harga RM9 sekilo manakala ayam super RM10 sekilo.



MOHAMAD NASIR menjual ayam standard pada harga RM9 sekilogram di Pasar Awam Chowrasta, George Town.

# Jualan RM1 licin dalam tempoh 10 minit

**KUALA NERUS** – Kira-kira 200 pengguna menyerbu sebuah kedai di Kampung Wakaf Tembusu di sini semalam seawal 6.45 pagi bagi mendapatkan ayam segar RM1 seekor.

Sebanyak 200 ekor ayam dijual pada harga promosi itu habis licin dalam tempoh 10 minit.

Peniaga terlibat, Mohd. Sulaimi Hassan, 54, berkata, jualan ayam segar pada harga RM1 seekor tersebut sempena pembukaan cawangan ketiga kedainya semalam.

"Tawaran itu sebagai tanda kesyukuran masih mampu mengembangkan perniagaan pada saat ekonomi tidak menentu pada masa ini.

"Ia juga dengan niat membolehkan lebih ramai pelanggan saya yang mempunyai pelbagai latar belakang memperolehi sumber protein untuk keluarga masing-masing pada harga istimewa," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Mohd. Suhaimi berkata, pada mulanya, dia hanya menyediakan 100 ekor ayam segar pada harga RM1 namun menambah 100 ekor lagi setelah melihat terlalu ramai pelanggan menyerbu kedainya sejak awal pagi.

"Pekarangan kedai saya sudah penuh dengan pelanggan seawal pukul 6.45 pagi walaupun waktu operasi pada 7.30 pagi," jelasnya.

Sementara itu, seorang pelanggan, Nur Syazwani Alias, 37, berkata, dia sanggup beratur seawal pukul 7 pagi untuk mendapatkan seekor ayam segar berharga RM1 itu.

"Saya puas hati singgah sebentar sebelum masuk pejabat. Walaupun jualan terhad seekor buat seorang pelanggan, harganya sukar dilepaskan," katanya.



SEBAHAGIAN pelanggan beratur membeli ayam RM1 seekor di Wakaf Tembusu, Kuala Nerus semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/11/2023 | BERITA HARIAN | MUKA SEPULUH | 10 |

# Semua agensi perlu atur strategi pastikan keterjaminan makanan

- Dalam memastikan tindakan lebih serius kerajaan mendepani isu keterjaminan makanan ini, peranan dan upaya Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) harus juga digandakan
- Indikator keterjaminan makanan negara bukan semata-semata untuk melihat berapa tan sayur dan daging dihasilkan sebaliknya membabitkan kos rantaian pembekalan



Wartawan BH

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

**Aspek** keterjaminan makanan kini menjadi kebimbangan baharu bagi negara. Pasca pandemik COVID-19 menyaksikan kenaikan harga bekalan makanan bukan sahaja di Malaysia, malah global. Situasi ini disebabkan permintaan tiba-tiba melonjak berikutan pembukaan semula pelbagai sektor ekonomi sebaik COVID-19 mula reda.

Dasar kerajaan membenarkan import makanan dari negara pengeluar khususnya India, Australia, Brazil, New Zealand, Pakistan, Turki serta negara ASEAN, mengakibatkan tahap kebergantungan negara kepada sumber bekalan import semakin tinggi dan terus menunjukkan kenaikan signifikan hampir setiap tahun.

Ini dapat dilihat berdasarkan data dikeluarkan Jabatan Perangkaan yang mana jumlah import agromakanan dan hasil pertanian terpilih Malaysia pada 2022 meningkat kepada RM144.4 bilion daripada RM120.5 bilion tahun sebelumnya.

Import makanan terkumpul Malaysia secara keseluruhan bagi tempoh lima tahun sejak 2018 hingga 2022 pula berjumlah RM296.4 bilion, meningkat 31.8 peratus berbanding lima tahun sebelumnya (2013-2017) berjumlah RM224.9 bilion.

Sungguhpun aspek bekalan makanan, khususnya bagi keperluan tempatan sentiasa terjamin dan mencukupi pada masa ini, cabaran dihadapi kerajaan kini bukan kepada bekalannya semata-mata, sebaliknya harga produk import di pasaran, sering berdepan tekanan kenaikan berterusan.

Contohnya, keputusan India menyekat eksport gandum beberapa bulan lalu disebabkan perang Ukraine-Russia, memberi kesan besar kepada harga pasaran tepung di Malaysia. Kenaikan ini mengakibatkan pengguna serta peniaga terbeban, memaksa harga barangan naik.

Sekatan sama oleh India terhadap beras putih turut mengakibatkan rantaian pengeluaran beras putih tempatan pula terganggu. Situasi ini diburukkan, apabila wujud pula 'sabotaj' pihak 'kapitalis' cuba mengambil kesempatan menuntut kenaikan harga beras putih tempatan di pasaran.

Dalam mendepani situasi dan cabaran berkaitan isu keterjaminan makanan ini, Dasar Keterjaminan Makanan sudah digubal kerajaan pada 2021, dengan pelaksanaannya berjalan bagi tempoh lima tahun berakhir 2025. Ia menggariskan empat tonggak utama iaitu ketersediaan, akses, penggunaan dan kestabilan dan kemampanan ekosistem.

Pelbagai pelan tindakan dan inisiatif dilaksana bagi mengatasi isu keterjaminan makanan ini, termasuk usaha meningkatkan pengeluaran bekalan makanan tempatan, disamping penggunaan teknologi tinggi bagi menggandakan pengeluaran hasil serta menyelesai isu sumber buruh sering menghimpit sektor perladangan dan pertanian negara.

## Peranan tak terhad satu kementerian

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sering kali dirujuk sebagai peneraju dalam mendepani isu berkaitan bekalan makanan negara. Sebaiknya, peranan ini tidak seharusnya hanya terhad dipikul satu kementerian, memandangkan aspek keterjaminan makanan adalah isu mendesak dan membabitkan kepentingan ramai.

Biarpun diakui ada usaha berterusan diambil KPKM dalam meningkatkan hasil pengeluaran pertanian, penternakan dan perladangan negara, hasilnya belum benar-benar dirasai, apatah lagi meredakan keresahan trend kenaikan harga.

Justeru, dalam memastikan tindakan lebih serius kerajaan mendepani isu keterjaminan makanan ini, peranan dan upaya Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) harus juga digandakan. Semua strategi dan inisiatif digariskan dalam Dasar Keterjaminan Makanan mesti dipikul bersama KKDW serta agensi di bawahnya, bukan semata-mata hanya bertumpu kepada KPKM.

KKDW sesuai dan boleh memikul sebahagian tanggungjawab ini, memandangkan mereka mempunyai akses agak luas kepada infra pertanian khususnya ladang dan tanah di seluruh negara, termasuk kawasan luar bandar. Agensi di bawah seliaan KKDW contohnya seperti FELCRA, RISDA, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) serta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), boleh diperluas peranannya.

Contohnya dalam usaha menghasil dan mengeluarkan bekalan produk makanan haiwan skala besar untuk negara. Usaha mengenal pasti lebih banyak tanah terbiar di kawasan luar bandar berpotensi untuk dimanfaat dan dimajukan menjadi tapak industri baharu boleh menjadi fokus kepada KKDW dan agensinya ketika ini.

Tanah terbiar itu tidak sekadar dijadikan tapak pertanian, penternakan dan pembukaan ladang baharu, sebaliknya dibangunkan kilang berskala besar berupaya membekal serta menjadi pengeluar makanan untuk haiwan dan baja pertanian.

KKDW dan agensinya boleh diberi tanggungjawab menyusun, memperkemas serta memperkasa program latihan sedia ada. Sekurang-kurangnya, ia bagi menggalakkan penyertaan, meningkatkan kefahaman serta kesedaran masyarakat luar bandar kepentingan membangunkan industri seumpama ini bagi menyokong rantaian pengeluaran makanan negara.

Program latihan sedia ada yang menjurus kepada pembabitan aktiviti tanaman sara diri masyarakat luar bandar, boleh diperluas kepada latihan dan bimbingan berkaitan penyelidikan dan penghasilan produk keluaran industri ini.

Sekurang-kurangnya, ada usaha ke hadapan untuk melihat Malaysia berusaha menjadi peneraju dalam pengeluaran produk makanan haiwan dan baja pertanian, yang mana usaha ini didukung sepenuhnya masyarakat luar bandar, berbanding hanya mengharapkan import jagung bijiran dari China dan baja kompos dari Russia.

Justeru, memastikan keterjaminan makanan di Malaysia, ia satu usaha memerlukan pembabitan pelbagai pihak. Bukan semata-mata dipikul dan dipertanggungjawabkan kepada KPKM, sebaliknya diperluas kepada agensi dan kementerian lain.

Hari ini, indikator keterjaminan makanan negara bukan semata-semata melihat berapa tan sayur dan daging dihasilkan dan tersedia dijual di pasaran, sebaliknya kos rantaian pembekalan yang mempengaruhi harga pasaran perlu diambil perhatian kerana rakyat akhirnya akan mencongak berapa harga dibeli, bukan berapa banyak bekalan tersedia di pasaran.



Tanah terbiar di kawasan luar bandar perlu dimanfaat dan dimajukan menjadi tapak industri baharu pertanian. (Foto hiasan)